

No. Soalan:33
PR-1322-L62933

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk merealisasikan konsep dan prinsip rakan kongsi komprehensif atau '*comprehensive partnership*' dengan Amerika Syarikat sebagai susulan lawatan Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama ke Malaysia baru-baru ini.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Secara keseluruhannya, lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia adalah satu lawatan yang berjaya, produktif dan telah membawa hasil positif. Lawatan ini merupakan satu mercu tanda dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.
3. YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat telah bersetuju supaya hubungan dua hala kedua negara dinaiktarafkan kepada kerjasama yang berperinsipkan rakan kongsi komprehensif atau *Comprehensive Partnership*. Ini bermakna hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat akan lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek kerjasama, antaranya dalam bidang ekonomi dan perdagangan, sains dan teknologi, pertahanan dan hubungan antara rakyat kedua negara.
4. Kementerian Luar Negeri telah berhubung dengan agensi-agensi yang berkaitan sebagai tindakan susulan ke arah merealisasikan *Comprehensive Partnership* tersebut. Ini termasuklah persetujuan mengenai penyertaan Malaysia di dalam *Visa Waiver Program*, pelanjutan tempoh pelaksanaan program *Fullbright English Teaching Assistants (ETA)* selama 3 tahun dan persetujuan Malaysia untuk menyertai *Proliferation Security Initiative (PSI)*;

5. Selain itu, mesyuarat di peringkat *Senior Official Dialogue* (SOD) akan terus diadakan bagi meneruskan momentum kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.